



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**
(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI SABTU, 28HB., SYA'ABAN 1445 / 09HB., MAC 2024
(HARI KESEMBILAN)**

- 1. Do'a Selamat**
- 2. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI RASMI KERANA JAWATAN**
 - 2.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya pada hari Khamis, 29hb Februari 2024 semasa perbahasan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.
- 3. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**
 - 3.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI RASMI KERANA JAWATAN**
 - 3.1.1. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.
 - 3.2. KEMENTERIAN HAL EHWAJ LUAR NEGERI**
 - 3.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri iaitu Tajuk SC01A.
 - 3.2.2. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

3.2.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan juga Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu:

- i. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;
 - Ingin mengetahui sejauh mana pelaksanaan *Memorandum of Understanding* (MOUs) yang ditandatangani ini membawa hasil kepada sektor swasta di negara; dan
 - Ingin mengetahui sejauh mana pelaksanaan *Memorandum of Understanding* (MOUs) dimanfaatkan oleh sektor swasta di negara ini.
- ii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
 - Memohon pencerahan mengenai penglibatan serta perbelanjaan para delegasi Negara Brunei Darussalam yang menghadiri persidangan di negara serantau ASEAN dan adakah pihak kedutaan Negara Brunei Darussalam di luar negara maklum dengan keberadaan para delegasi Negara Brunei Darussalam di negara tersebut;
 - Ingin mengetahui sama ada pihak kedutaan menerima senarai acara-acara di peringkat ASEAN serantau atau antarabangsa yang melibatkan penyertaan daripada Negara Brunei Darussalam; dan
 - Menyoalkan jika pihak kedutaan mempunyai usaha-usaha pemantauan keberadaan serta kesejahteraan para delegasi Negara Brunei Darussalam semasa berada di negara luar.
- iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;
 - Menyoalkan bagaimana perjumpaan bersama pihak kerajaan luar yang disasarkan sebanyak 860 perjumpaan akan dicapai;
 - Menyoalkan sejauh mana perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara berhasil untuk

mengeratkan kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan negara tuan rumah;

- Ingin mendapatkan sama ada terdapat statistik jumlah dan nilai perdagangan dan pelaburan asing yang dapat dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam;
- Menyoalkan sekiranya pegawai dan kakitangan di semua pejabat kedutaan Negara Brunei Darussalam adalah mencukupi untuk membuat kerja substantif yang lain di samping membuat laporan politik dan kerja pentadbiran;
- Ingin mengetahui kaedah penilaian prestasi sesebuah pejabat perwakilan dan sekiranya KPI berkenaan dimaklumkan kepada setiap pejabat perwakilan;
- Menyoalkan mengapa tidak peruntukan setiap perwakilan diberikan berdasarkan pencapaian KPI khususnya yang berjaya menarik pelaburan, meningkatkan perdagangan, mendatangkan *trade missions* dan pelancongan ke Negara Brunei Darussalam bagi memberi motivasi untuk meneruskan usaha mereka;
- Menyoalkan statistik *Memorandum of Understanding* (MOUs) yang sudah *materialised* dan yang sudah menjadi *Memorandum of Agreement* (MOAs) dan jika setiap pejabat perwakilan diarahkan membuat susulan bagi MOUs berkaitan; dan
- Ingin mengetahui perancangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk menujuhkan akademi latihan diplomat dan menyatakan pendapat akan keperluan bagi mengadakan program latihan diplomat sama ada secara '*stand alone*' atau di universiti tempatan.

iv. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;

- Memohon pencerahan bagaimana Negara Brunei Darussalam dapat menggunakan inisiatif diplomatik strategik dan perkongsian antarabangsa dapat menarik pelaburan langsung asing (FDI) khususnya

- dalam bidang teknologi dan inovasi dapat membantu membangun sektor-sektor ekonomi yang berpotensi;
- Menyoalkan mengenai pendekatan dan amalan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk meningkatkan lawatan perdagangan dalam konteks *Brunei Darussalam–Indonesia–Malaysia–Philippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) dan mempergerusikan kerjasama ekonomi lintas sempadan dengan negara jiran seperti Indonesia, Malaysia dan Philippines;
 - Memohon pencerahan bagaimana Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri memastikan pemindahan teknologi inovasi melalui kerjasama antarabangsa dapat memberikan nilai tambah yang tinggi kepada ekonomi tempatan dan menyumbang kepada pembangunan jangka panjang negara serta mengurangkan kebergantungan perkhidmatan luar negara; dan
 - Menyarankan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri iaitu memelihara dan mempertingkatkan imej dan kepentingan Negara Brunei Darussalam dalam arena antarabangsa, *bilateral* dan *multilateral* dengan menggunakan perjumpaan dengan pihak kerajaan tuan rumah untuk diteliti dan ditambahbaik dengan menilai hasil daripada perjumpaan tersebut.

v. Yang Berhormat Chong Chin Yee;

- Mengharapkan peruntukan bagi menaiktaraf dan mengemaskini laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri;
- Menyoalkan strategi-strategi tambahan yang telah dilaksanakan dalam meningkatkan pemberigaan *e-Register*;
- Mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkolaborasi dengan *Royal Brunei Airlines* dan agensi pelancongan untuk meningkatkan kesedaran *e-Register* semasa pembelian tiket penerbangan dan insuran perjalanan; dan

- Menyoal mengenai aspek membina komuniti Brunei Darussalam ke peringkat global, bagaimanakah platform *e-Register* digunakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam menganjurkan acara yang melibatkan warga Brunei Darussalam dan penduduk luar negara.
- vi. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;
 - Menyoalkan sekiranya terdapat perjanjian *reciprocal* bagi perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara untuk membina bangunan sendiri di tempat khas di luar negara;
 - Menyoalkan sama ada peruntukan dibawah RKN-12 akan digunakan bagi pembinaan atau pengubahsuaian bangunan pejabat dan kediaman ketua perwakilan di 10 buah negara sahabat dan sekiranya dibina atas tapak khas yang diberikan;
 - Memohon pencerahan dasar kerajaan apabila ditawarkan manfaat tapak tanah di luar negara, adakah kerajaan akan membuat bangunan sendiri atau menyewa bangunan di bawah *long-term lease*;
 - Memohon pencerahan sekiranya terdapat proses penilaian untuk menyelaraskan tangga gaji dan elauan dengan kos sara hidup di luar negara terutamanya bagi kakitangan Kementerian termasuk warga Brunei yang bekerja di luar negara secara *local term contract*; dan
 - Memohon pencerahan mengenai status perbincangan berkenaan sempadan Negara Brunei Darussalam dengan negara jiran.

2.1.4 Tajuk SC01A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

3.3. KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

3.3.1. Jawatankuasa seterusnya telah menimbulangkan tajuk dibawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.

- 3.3.2. Pembentangan anggaran perbelanjaan dan halatuju Kementerian Kewangan dan Ekonomi disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.
- 3.3.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu:
 - i. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub;
 - Memohonkan penjelasan mengenai hala tuju mata wang ringgit Brunei (BND) dari segi penerimaan di peringkat global sama ada ia berkaitan dengan kedudukan ekonomi negara atau terdapat penjelasan yang tertentu yang membolehkan mata wang ringgit Brunei setanding dengan mata wang dunia yang lain.
 - ii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
 - Mencadangkan diadakan kawalan harga bagi barang keperluan semasa musim perayaan; dan
 - Ingin mengetahui berkenaan dengan hukuman penalti bagi penyalahgunaan dan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

3.4. KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

- 3.4.1. Jawatankuasa seterusnya telah menyambung tajuk bagi menimbangkan tajuk-tajuk dibawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.
- 3.4.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Menteri

Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu:

- i. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;
 - Memohon pencerahan mengenai cara Brunei Halal mempromosikan imej negara di peringkat antarabangsa dan strategi jangka pendek dan panjang Brunei Halal untuk mengembang luas jenama ini;
 - Ingin mengetahui cara mempertengahkan promosi produk-produk Brunei Halal di dalam dan di luar negara dan jika Kementerian Kewangan dan Ekonomi mempunyai peruntukan yang cukup bagi hal ini;
 - Menyoalkan keperluan untuk menambah baik jenama Brunei Halal atau mewujudkan konsep *branded patriotism* dalam penggunaan domestik;
 - Memohon pencerahan mengenai penilaian sendiri (*self-assessment*) pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengenai kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam aspirasi *Open and Globally Connected Economy* di dalam *Brunei Economic Blueprint (BEB)*;
 - Menyoalkan bagaimana Kementerian Kewangan dan Ekonomi menilai pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam mencapai aspirasi ketiga iaitu *Open and Globally Connected Economy* yang tercatat dalam *Brunei Economic Blueprint (BEB)*;
 - Ingin mengetahui pencapaian yang telah diraih dan cabaran yang masih dihadapi dalam hal meningkatkan keterlibatan ekonomi di pasaran global;
 - Menyoalkan mengenai langkah-langkah konkret yang diambil Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menerapkan aspirasi *Open and Globally Connected Economy* termasuk memanfaatkan perkongsian strategik seperti FDI, FTA dan MOU dalam konteks meningkatkan aktiviti ekonomi dan kewangan Negara Brunei Darussalam di pasaran global;

- Menyoalkan bagaimana cara Brunei Darussalam mempermudahkan dan mempercepatkan penubuhan perniagaan syarikat seperti *Gallop Air* di Negara Brunei Darussalam dan menyeru pihak kerajaan menyokong dan menggerakkan permohonan untuk menjayakan penubuhan perniagaan di Brunei Darussalam secepatnya;
- Memohon pencerahan mengenai inisiatif-inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam membantu pengusaha-pengusaha luar negara yang menuju perniagaan di Negara Brunei Darussalam dengan secepatnya tanpa membebankan keselamatan dan kredibiliti.

ii. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam;

- Menimbulkan mengenai isu kelambatan bayaran yang sering dialami oleh pengusaha melalui sistem *TAFIS*, dan memohon pencerahan mengenai ciri-ciri penambahbaikan sistem yang ada dalam *TAFIS 2.0* yang akan memberikan perkhidmatan yang lebih bermanfaat, mesra pengguna dan mudah diakses;
- Menyoalkan mengenai strategi untuk menaiktaraf kemahiran pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengendali sistem *TAFIS 2.0* dan menyoalkan mengenai jumlah peruntukan yang ditetapkan bagi perkara tersebut;
- Ingin mengetahui bagaimana sistem *TAFIS 2.0* akan memudahkan komunikasi dua hala di antara pihak syarikat dan pihak kementerian yang bertanggungjawab;
- Memohon pencerahan sekiranya telah dibuat analisa mengenai punca-punca utama perniagaan '*Alibaba*' semakin berleluasa serta apakah inisiatif untuk mengawalnya dan membendungnya;
- Menyoalkan sama ada telah dikenal pasti punca warga tempatan menyewakan lesen-lesen perniagaan kepada warga asing dan peruntukan undang-undang yang dikenakan; dan

- Menyeru bagi mekanisme yang sedia ada untuk diteliti dan ditambahbaik bagi mengenalpasti peniaga-peniaga 'Alibaba'.

iii. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;

- Menyeru untuk mencari jalan bagi mendorong pengusaha tempatan untuk meningkatkan perniagaan kecil dan sederhana yang beroperasi dari rumah dan secara *online* menjadi perniagaan yang lebih menjana pendapatan rakyat tempatan khususnya perniagaan runcit yang masih lagi dikuasai orang asing;
- Mencadangkan pihak kerajaan untuk memudahkan usahawan tempatan dengan menyediakan rangkaian bekalan dan memberikan *flexibility* dalam memberikan kuota pekerja serta bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti *Darussalam Enterprise* (DARe) yang mempunyai akses rangkaian bekalan yang dapat membantu usahawan tempatan berhubung secara langsung kepada pembekal;
- Menyoalkan mengenai keberkesanan geran atau skim kewangan yang dihulurkan oleh pihak DARe khususnya kepada *start up businesses* untuk membantu merangsang ekonomi yang lebih *diverse*; dan
- Menyeru untuk mencipta persekitaran yang mesra usahawan untuk pertumbuhan keusahawanan tempatan dengan memudahkan akses kepada modal, menjanakan perhubungan kepada bekalan yang mencukupi dan memberikan sokongan melaksanakan pelan perniagaan.

iv. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin;

- Ingin mengetahui usaha terkini untuk memajukan dan meningkatkan industri dan perusahaan-perusahaan berpotensi tinggi seperti farmaseutikal dan perbankan Islam dan takaful;
- Ingin mengetahui naratif terkini mengenai inisiatif *Shariah-Compliant Digital Finance and Economic Zone* di kawasan BIMP-EAGA dan hala tuju Kementerian

Kewangan dan Ekonomi bagi memperkasakan industri ekonomi dan farmaseutikal halal di dalam dan luar negara; dan

- Mencadangkan industri kewangan negara untuk dikembangkan ke peringkat serantau untuk menaikkan lagi nilai asetnya dan meningkatkan pendapatan negara.

v. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee;

- Ingin mengetahui langkah yang sedang dilaksanakan pihak Kerajaan untuk memastikan kadar penggunaan digital yang tinggi dalam mencapai matlamat pengurangan 90% dalam transaksi secara tunai;
- Menyoalkan sekiranya Kementerian akan mewajibkan penggunaan QR *interoperability* bagi kedai-kedai termasuk stesen minyak;
- Menyoalkan bagaimana penguatkuasaan QR *interoperability* akan menyokong PMKS (*MSMEs*) negara;
- Ingin mengetahui langkah dan strategi yang dilaksanakan untuk meningkatkan dan mengukuhkan keselamatan pengguna secara digital dan perancangan kementerian bagi memastikan institusi kewangan dipertanggungjawabkan untuk mencegah berlakunya penipuan (*scam*) khususnya yang melibatkan *mule account*;
- Menyoalkan bagaimana pihak kementerian bekerjasama dengan agensi lain untuk meningkatkan *market intelligence* bagi peniaga-peniaga di Brunei dan memastikan berpengetahuan tentang potensi pasaran bagi perniagaan mereka;
- Ingin mengetahui sekiranya terdapat rancangan untuk menghasilkan dan menyebarkan data dengan lebih berkesan dan selamat; dan
- Menyoalkan sekiranya pihak kementerian akan memudahkan penerbitan infografik dan laporan yang boleh difahami serta menggalakkan sumbangan daripada ahli ekonomi dan ahli statistik tempatan kepada media dan sekiranya terdapat inisiatif untuk

bekerjasama dengan *content creator* yang berkredibiliti di media sosial untuk menyebarkan dan memberikan maklumat tersebut.

- vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;
 - Ingin mengetahui sama ada terdapat ruang bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menilai dan menimbalangkan semula penambahan peruntukan jika diperlukan;
 - Menyoalkan tentang kekerapan pihak kementerian untuk turun padang *to feel the pulse of business community* yang dijalankan terutamanya bagi industri pembinaan, industri pelancongan dan juga industri pertanian, agrimakanan dan perikanan; dan
 - Menyarankan pertumbuhan ekonomi bukan hanya memerlukan *injection* kewangan tetapi juga untuk diteliti, dikaji dan digantung sementera mana-mana undang-undang yang tidak mempunyai unsur *business friendly* ke arah persekitaran yang lebih kondusif dan supportive.
- vii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
 - Memohon pencerahan mengenai strategi dan inisiatif-inisiatif dalam mendorong dan menggalakkan bagi mengembang majukan peniaga-peniaga sehingga mencapai perniagaan berskala besar dan berpotensi menembusi eksport luar negeri;
 - Memohon pencerahan Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengenai strategi atau inisiatif-inisiatif bagi mengukuhkan dan memantapkan fiskal negara yang lebih terarah dan bagi menjamin kedudukan kewangan yang lebih mampan dan berdaya tahan;
 - Memohon pencerahan status perkembangan dan keaktifan perusahaan koperasi di negara ini serta jumlah bilangan perusahaan koperasi yang berdaftar

- termasuk ahli-ahlinya, sama ada meningkat atau sebaliknya;
- Ingin mengetahui punca utama kebanyakan perusahaan koperasi tidak begitu aktif dan berkembang maju serta strategi dan inisiatif yang dirancang untuk memajukan perusahaan koperasi sebagai pembantu pemangkin pertumbuhan sosio ekonomi tempatan dan negara;
 - Menyoalkan mengenai inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menyemak strategi bagi menyertai lebih banyak lagi pameran atau ekspo luar negara dalam usaha menarik lebih banyak pelabur asing dan juga pelancong serta mempromosikan mana-mana produk tempatan untuk dieksport ke luar negara;
 - Memohon pencerahan mengenai sebab penurunan sasaran peratus mengurangkan tunggakan kutipan hasil bagi sektor kerajaan di bawah Jabatan Perbendaharaan;
-

[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA TERTAKLUK KEPADA PENGLIHATAN ANAK BULAN RAMADHAN 1445 IAITU:

PADA HARI ISNIN, 11HB MAC 2024 JAM 9.30 PAGI - JIKA TIDAK SABIT KELIHATAN ATAU

PADA HARI SELASA, 12HB MAC 2024 JAM 10.00 PAGI - JIKA SABIT KELIHATAN]
